



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid memotong kek merasmikan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri ATM dan PDRM sambil diperhatikan oleh Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (tiga dari kanan) di Kangar, Perlis, malam semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Raja Perlis sertai sambutan Aidilfitri ATM, PDRM

UM 105-09-13/11/11/k/ps

KANGAR 4 Sept. - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Perlis buat pertama kali menganjurkan jamuan Hari Raya Aidilfitri secara bersama dalam usaha mericapai kerjasama menerusi program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Ketua Polis Perlis, Datuk Zull Aznam Haron berkata, penganjuran majlis ini akan menjadi penanda aras untuk jalinan kerjasama, persefahaman dan komitmen di antara dua agensi utama itu.

"Selepas ini ia akan menjadi asas kepada penganjuran program yang akan dilaksanakan pada peringkat seterusnya di negeri ini," katanya dalam sidang akhbar bersama Panglima Briged Sempadan, Brigedier General Datuk Mohd. Ramli Jaafar.

Pada majlis itu, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail melancarkan Program NBOS 8 ATM dan PDRM sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di Mes Pegawai Kanan Polis di Jalan Raja Muda di sini malam tadi.

Turut berangkat, Raja Perempu-

an Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Zull Aznam berkata, pihaknya yakin kedua-dua agensi itu mampu melaksanakan program yang dirancang dengan cemerlang.

"Ini berdasarkan komitmen masing-masing yang diberikan dalam penganjuran majlis yang kali pertama diadakan ini," katanya.

Selain itu, katanya, dengan majlis seperti ini juga memberi peluang kepada anggota dan pegawai ATM serta PDRM merapatkan hubungan dengan pemimpin-pemimpin negeri ini, pemimpin masyarakat, penduduk serta rakan dari selatan Thailand.

Beliau berharap, gabungan ini akan memberikan sokongan serta penyertaan dalam pelaksanaan program NBOS di negeri itu.

Zull Aznam berkata, kerjasama dua agensi ini sekali gus dapat membantu meningkatkan kesejahteraan negeri ini sejajar dengan matlamat Perlis Maju 2015.